

01/02/2003

5 Februari tarikh baru sandiwara Rumah Putih

Prof Madya Dr Azmi Hassan

APABILA Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meluluskan usul UNSCR 1441 pada 8 November 2002, ia dikatakan satu sejarah kerana mendapat sokongan penuh 15 anggota Majlis Keselamatan.

Bersejarah kerana kelima-lima anggota tetap yang mempunyai kuasa pembatal, iaitu China, Perancis, Russia, Britain dan Amerika Syarikat (AS), bersepakat dalam hal yang begitu kritikal.

Anggota tidak tetap yang lain seperti Bulgaria, Cameroon, Colombia, Guinea, Ireland, Mauritius, Mexico, Norway dan Singapura dikatakan hanya mengikut telunjuk AS dan Britain yang menaja resolusi ini. Tetapi yang menakjubkan ialah salah satu anggota tidak tetap dari negara Arab, iaitu Syria, juga menyokong resolusi berkenaan kerana sebelum ini negara itu dikatakan akan mengambil sikap berkecuali sebagai sokongan kepada Iraq.

Inti pati UNSCR 1441 adalah untuk memberi peluang terakhir kepada Iraq supaya menghapuskan senjata pemusnah besar-besaran (WMD). Kaedah utama yang digunakan untuk menentukan Iraq mematuhi resolusi ini ialah melalui pemeriksaan dua badan utama, iaitu pemeriksa senjata PBB (UNMOVIC) yang diketuai oleh Hans Blix dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang diketuai oleh Mohamed El Baradei.

Presiden George W Bush bukan setakat mendapat sokongan penuh Majlis Keselamatan tetapi juga diberi mandat tidak berbelah bahagi oleh 19 negara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) yang menuntut supaya Presiden Saddam Hussein mengikut kehendak UNSCR 1441.

Sokongan tidak berbelah bahagi yang diberi Nato kepada Bush begitu bermakna kerana Jerman yang sememang dari dulu bersikap anti-perang, juga turut memberi sokongan kepada AS untuk menentukan Saddam tidak memiliki WMD. Sokongan padu diberi kepada Bush kerana mereka percaya UNSCR 1441 akan memberi peluang kepada Saddam untuk membuktikan kepada dunia bahawa Iraq tidak mempunyai WMD.

Rakyat AS juga memberi sokongan padu dalam usaha Bush untuk menukar pemerintahan Iraq. Malah, pada September 2002, Kongres AS yang dikuasai oleh Parti Demokrat memberi kuasa penuh kepada Bush untuk melancarkan serangan ke atas Iraq tanpa mendapatkan persetujuan Kongres terlebih dulu.

Tetapi setelah 60 hari UNMOVIC dan IAEA menjalankan tugas seperti yang dimandatkan oleh UNSCR 1441, pasukan itu masih gagal menemui bukti kukuh yang menunjukkan Iraq mempunyai atau sedang membangunkan WMD. Walaupun pasukan PBB itu dibekalkan dengan maklumat perisikan AS, ia tidak memberi bantuan, malah menunjukkan kekelehan dan kepalsuan maklumat yang dibekalkan.

Sebelum Blix dan El Baradei mengemukakan laporan penyiasatan kepada Majlis Keselamatan, 27 Januari lalu, AS telah pun menghidu isi laporan berkenaan dan cuba menggertak badan berkenaan supaya membuat keputusan menyebelahi AS. Setiausaha Negara AS, Colin Powell, yang dikatakan lebih waras jika hendak dibandingkan dengan gandingan Naib Presiden, Dick Cheney, Setiausaha Pertahanan, Donald Rumsfeld, dan Penasihat Keselamatan Kebangsaan, Condoleezza Rice, telah menyelar Majlis Keselamatan dan mengugut supaya tidak bacul dalam membuat keputusan mengenai Iraq.

Seperti mana Singapura menukar strategi mengenai isu ketetapan harga bekalan air kepada isu kedaulatan, AS juga menukar strategi isu UNSCR 1441 daripada pembuktian pemilikan WMD kepada tahap kerjasama yang diberikan oleh Baghdad kepada UNMOVIC dan IAEA.

Jika pemerintah Singapura menggunakan isu kedaulatan untuk mengaburi dan

meraih sokongan rakyat mereka yang telah bosan dengan dolak-dalik pemimpin mereka mengenai harga bekalan air, AS juga menggunakan isu tahap kerjasama Baghdad untuk meraih sokongan dunia yang telah mula sangsi terhadap segala tuduhan AS yang Iraq memiliki WMD.

Seperti diduga, laporan Blix lebih memihak kepada kehendak Rumah Putih di mana tuduhan Iraq tidak bekerjasama dengan pasukan penyiasat diberi tekanan yang tinggi. Bagaimanapun, El Baradei lebih objektif dengan membuat kesimpulan bahawa Baghdad tidak mempunyai kemampuan untuk membangunkan WMD berasaskan nuklear.

Pelbagai interpretasi boleh dilakukan terhadap laporan Blix dan El Baradei tetapi yang nyata ialah tuduhan Bush yang mengatakan Saddam sedang membangunkan WMD adalah meleset sama sekali. Ini mengakibatkan sokongan rakyat AS dan pemimpin dunia lain yang dinikmati oleh Bush selama ini telah mula menampakkan keretakan.

Paling membimbangkan pentadbiran Rumah Putih ialah bantahan tegas niat AS menyerang Iraq dari Jerman dan Perancis yang dinyatakan secara bersama. Kedua-dua negara ini penting dalam congakan perang AS kerana Jerman adalah tonggak utama Nato manakala Perancis pula mempunyai kuasa pembatal Majlis Keselamatan PBB.

Menteri Pertahanan Perancis, Michele Alliot-Marie, membuat komen sinis terhadap AS dengan berkata: "Kita bukan lagi berada pada zaman batu di mana sesiapa yang mempunyai belantan paling besar adalah yang paling digeruni." Kenyataan Alliot-Marie itu adalah seiras dengan pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan cara AS menangani krisis global bagaikan mentaliti zaman batu. Ucapan itu disampaikan di depan perwakilan Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) beberapa minggu lalu.

Ucapan 'State of The Union' Presiden Bush pada Selasa lalu, iaitu sehari selepas Blix dan El Baradei menyampaikan laporan mereka, juga tidak dapat meraih kepercayaan masyarakat antarabangsa mengenai tuduhan AS terhadap Iraq. Bush dengan angkuh memberi kata dua kepada Majlis Keselamatan bahawa AS akan bertindak bersendirian menangani masalah Iraq jika ketetapan yang tegas tidak diambil. Dengan perkataan lain, AS akan menyerang Iraq walaupun tidak direstui oleh PBB.

Ucapan angkuh Bush itu hanya dapat meraih simpati negara Eropah yang sememangnya dari dulu menyokong niat jahat AS. Britain, Sepanyol, Itali, Portugal, Hungary, Republik Czech dan Denmark telah menyuarakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Bush sambil menempelak tentangan yang disuarakan oleh Jerman dan Perancis.

Tetapi malang bagi Bush kerana usaha beliau untuk mempengaruhi Majlis Keselamatan supaya mengeluarkan keputusan yang lebih tegas, gagal kerana 11 daripada 15 anggota Majlis Keselamatan telah membuat keputusan untuk memberi lebih masa kepada UNMOVIC dan IAEA melakukan penyiasatan.

Tiga anggota yang mempunyai kuasa pembatal, iaitu Perancis, Russia dan China serta anggota tidak tetap seperti Jerman, Mexico, Chile, Guinea, Cameroon, Syria, Angola dan Pakistan berpendapat Iraq perlu diberi lebih masa untuk melaksanakan pelucutan WMD. Tiga anggota lain, iaitu Britain, Bulgaria dan Sepanyol akur dengan pendapat AS bahawa Iraq telah mencabuli kehendak UNSCR 1441.

Bush mempunyai satu lagi peluang untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa Iraq adalah lebih berbahaya daripada Korea Utara dan Saddam mesti dihapuskan. Pada 5 Februari ini, Majlis Keselamatan akan mengadakan sidang khas untuk membincangkan isu Iraq dan dijangkakan Powell akan membentangkan maklumat penting yang akan membuktikan Iraq memiliki WMD.

Tidak dapat dipastikan apakah bentuk maklumat yang akan dibentangkan oleh Powell tetapi Rumah Putih telah pun menghebahkan kepada seluruh dunia

bahawa AS mempunyai bukti dalam bentuk gambar satelit dan perbualan yang dipintas oleh Agensi Perisikan Pusat (CIA). Maklumat ini, tambah Rumah Putih, akan membuktikan dengan sah bahawa Saddam mempunyai niat untuk membangunkan WMD.

Jika benar apa yang dikatakan oleh Bush, maka besar kemungkinan Majlis Keselamatan akan mengeluarkan kenyataan bahawa Iraq telah melanggar kehendak UNSCR 1441 dan ini akan memberi lampu hijau kepada AS untuk menyerang Iraq. Tetapi dunia mengharapkan Powell membawa bukti sah seperti mana yang berlaku pada 1962 apabila Duta AS ke PBB ketika itu, Adlai Stevenson, dengan penuh dramatik mempamerkan 26 gambar satelit yang menunjukkan dengan jelas Cuba mempunyai peluru berpandu yang dibekalkan oleh Russia.

Ramai penganalisis berpendapat AS tidak mempunyai gambar satelit seperti yang berlaku ketika krisis peluru berpandu Cuba tetapi hanya mempunyai maklumat pintasan dan juga maklumat yang diperoleh daripada tahanan al-Qaeda di Kem X-ray, Guantanamo Bay.

Jika inilah yang dimiliki oleh Powell, maka beliau akan mempunyai tugas berat untuk meyakinkan 11 anggota Majlis Keselamatan agar mengubah pendirian mereka.